

**PSC Adakan Mesyuarat Susulan Berhubung Cadangan Interim, Selasa  
Bernama  
5 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya (PSC) akan bermesyuarat esok untuk membuat susulan mengenai tindakan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) berhubung cadangan interim.

Pengerusinya Datuk Seri Dr Maximus Ongkili berkata ini termasuk perbincangan mengenai cadangan umum berhubung mengundi di seberang laut, persempadanan kawasan dan akses media semasa pilihan raya, pembiayaan pilihan raya berbanding dengan apa yang diamalkan di negara demokrasi maju seperti negara-negara Eropah.

"Selain itu, PSC juga akan melakukan post mortem mengenai lawatan ke EU baru-baru ini dan membincangkan model berkaitan untuk penelitian mendalam dan kemungkinan meningkatkan sistem kita yang ada sekarang," katanya kepada Bernama ketika dihubungi.

Minggu lepas, anggota PSC, diketuai Ongkili berada selama seminggu di United Kingdom, Jerman dan Denmark bagi mengkaji proses daftar pemilih yang termasuk pembiayaan pilihan raya, akses kepada media dan lain-lain bentuk representasi.

Jawatankuasa itu telah membentangkan laporan awal yang mengandungi 10 cadangan dan diluluskan Dewan Rakyat pada 1 Disember.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=649959>